

31/10/2003

Ukur baju sambil berjalan

By Johari Ibrahim

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, disifatkan sebagai seorang pelanggan yang setia terutama jika produk yang dibelinya berkualiti atau sedap dimakan.

Beberapa peniaga di Pekan Rabu yang kerap dikunjungi Dr Mahathir jika melawat kompleks itu berkata, Perdana Menteri adalah seorang yang 'mengikut buku' jika berjual-beli.

Mereka berkata, Dr Mahathir ketika membeli tetap sama seperti orang lain seperti menawar harga barangan selain membayar pada harga tepat walaupun beliau mampu berkata 'keep the change' (simpan wang baki).

Antara kedai yang sering dikunjungi Dr Mahathir ialah Mak Chah Kuih Tradisional milik Aishah Mat, 84.

Cucu Aishah, Suria Hassan, 33, berkata neneknya berkenalan dengan Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah Mohd Ali sejak tahun 1960-an.

Ketika itu, arwah datuknya, Darus Awang, sering bertegur sapa dengan Dr Mahathir yang juga kerap berada di sekitar Pekan Rabu.

"Biasanya Datin Seri yang datang sendiri menempah dodol, halwa maskat dan beberapa jenis biskut raya seminggu sebelum hari raya," katanya.

Beliau berkata, kuih yang ditempah Dr Siti Hasmah itu biasanya diserahkan kepada mereka ketika lawatan di Pekan Rabu jika pulang ke Kedah setiap Ramadan.

"Saya juga pernah mendengar Perdana Menteri secara berseloroh berkata kepada nenek 'asyik dok bagi free (percuma) sahaja, bila nak kaya'.

"Ketika itu nenek menghulurkan beberapa bungkus dodol secara percuma kepada Perdana Menteri untuk dibahagikan kepada pengiringnya," katanya.

Pemilik Kedai Jahit Pak Wan, Wan Abd Rahman Wan Puteh, 76, pula berkata beliau menerima tempahan baju Melayu daripada Perdana Menteri sejak tahun 1960-an, ketika bangunan Pekan Rabu masih berdingding papan dan beratap zink.

"Biasanya sekali beliau tempah tiga atau empat pasang. Kadang-kadang beliau bawa kain sendiri atau memilih kain di kedai saya," katanya.

Ditanya sama ada Perdana Menteri pernah membayar lebih daripada harga baju Melayu yang ditempah, Wan Abd Rahman berkata:

"Tidak pernah. Bahkan apabila selesai menempah, beliau secara berseloroh berkata, 'jangan mahal sangat Pak Wan'.

"Bagaimanapun, beliau pernah sedekahkan wang ketika saya mahu menunaikan fardu haji, bukan kerana saya peniaga," katanya.

Wan Abd Rahman juga menyimpan kenangan tersendiri iaitu peristiwa lucu sepanjang menjadi tukang jahit baju Melayu Perdana Menteri.

"Sekitar tahun 1990-an, saya dipanggil polis untuk berjumpa Perdana Menteri di Stadium Datuk Syed Omar.

"Rupa-rupanya, beliau meminta saya mengambil ukuran baju Melayu. Saya tanya di mana nak mengukur Datuk Seri.

"Sambil berjalan, beliau menjawab, di sini sajalah Pak Wan. Bayangkan saya terpaksa mengambil ukuran baju Melayu sambil beliau berjalan...mungkin beliau sibuk ketika itu," katanya.

Peniaga songkok, Sardi Dahar, juga menyimpan kebetulan yang tidak pernah diduganya sepanjang berurusan dengan Perdana Menteri.

"Perdana Menteri memakai songkok bersaiz 22 inci, beliau menerajui Malaysia selama 22 tahun, mengeluarkan kenyataan mahu bersara pada 22 Jun 2002 dan mengilhamkan Wawasan 2020," katanya.

(END)